



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRECINCT 7,
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88880962
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : korporat@bomba.gov.my

‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Kami: JBPM:PAW/013/20/2 (57)


Tarikh: 03 Jun 2011

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS NOTA SERAH TUGAS PEGAWAI KANAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA

PUTRAJAYA 3 Jun 2011 – Satu majlis Nota Serah Tugas yang melibatkan seramai 7 orang Penguasa Bomba Gred KB54 telah diadakan di Dewan Sutera, Ibu Pejabat JBPM di sini hari ini. Majlis Nota Serah Tugas yang telah disaksikan oleh YAS Dato’ Wan Mohd Nor Hj Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM, Dato’ Mahadi Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah, JBPM dan Hj. Zanudin Aziz, Pengarah Pengurusan JBPM. Turut hadir sama ialah pegawai-pegawai kanan JBPM.

Majlis menandatangani Nota Serah Tugas dimulai oleh PKPjB Zamri Che Din, Ketua Seksyen Operasi, Bahagian Operasi dan Penyelamat, JBPM dengan PKPjB Hamdan Wahid, Penolong Ketua Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JBPM. Antara pegawai kanan yang terlibat dalam majlis Nota Serah Tugas pada petang itu ialah Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba (PKPjB) Othman Abdullah, Pengarah JBPM Negeri Selangor, PKPjB Khirudin Drahman, Pengarah JBPM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, PKPjB Norhisham Mohammad, Pengarah JBPM Negeri



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037

Sarawak, PKPjB Haron Tahir, Komandan, Akademi Bomba Kuala Kubu Bharu dan PPjB Mohd Puzi Mohd Tabot yang sebelum ini memangku tugas sebagai Pengarah JBPM Negeri Selangor.

Terdahulu dalam ucapannya, Wan Mohd Nor berkata, pertukaran pegawai kanan adalah perkara biasa dalam mana-mana jabatan dan ia bertujuan bagi memantapkan lagi operasi jabatan selain meningkatkan lagi kecekapan dan pengalaman pegawai berkenaan.

Dikeluarkan Oleh :

Sobberi b. Basiran
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Pengurusan Korporat
Ibu pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia
sobberi_64@bomba.gov.my